

Bab 3

Metodologi Kajian

3.0 Pengenalan

Pengkaji menggunakan kaedah kerja lapangan iaitu melakukan pemerhatian terhadap penutur-penutur di kalangan keluarga Melayu. Pemerhatian juga dilakukan terhadap senario pertuturan sebenar yang diperbualkan oleh penutur di dalam konteks tertentu serta digabungkan dengan kajian perpustakaan. Pengkaji telah membuat penyelidikan di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, perpustakaan Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah.

Pengkaji telah membuat kajian terhadap buku-buku, tesis yang berkaitan, jurnal-jurnal, artikel dan keratan akhbar yang semuanya berkaitan dengan kesantunan berbahasa dengan merujuk khusus kepada masyarakat dan keluarga Melayu. Pengkaji juga menggunakan kaedah sosiolinguistik, iaitu kaedah "natural occurring" yang diperkenalkan oleh Labov (1972) untuk menganalisis pertuturan. Kaedah ini bermaksud pertuturan yang dilakukan oleh sampel tanpa melibatkan pengkaji, ertinya data pertuturan yang dikutip adalah dalam situasi bersahaja tanpa melibatkan pengkaji.

Ini bermakna penutur bebas untuk berbual-bual dengan rakan atau pasangan komunikasi mereka ketika pemerhatian dilakukan. Kajian ini juga meliputi aspek sikap, budaya dan pergaulan dalam keluarga Melayu. Seterusnya dari sinilah kita dapat

mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesantunan mereka berbahasa dalam pergaulan dan perbualan sehari-hari.

3.1 Data dan Pemerhatian

Data yang dikumpul tertumpu kepada penutur asli bahasa Melayu. Penutur terdiri anggota keluarga Melayu dari pelbagai lapisan. Dari mereka yang berpendidikan rendah seperti petani dan suri rumah sehinggalah mereka yang mendapat pendidikan sederhana seperti kakitangan pejabat kerajaan, golongan guru lepasan maktab.

Data juga dikumpul dengan mengambil sampel perbualan di kalangan keluarga Melayu yang tergolong sebagai golongan menengah yang tinggal di daerah Besut, Terengganu. Mereka ini terdiri dari golongan guru lepasan universiti dan pegawai-pegawai kerajaan. Penulis memilih sampel perbualan seumpama ini kerana mempunyai latar belakang yang sama 100% penutur adalah dari keluarga Melayu yang merupakan penutur asli bahasa Melayu, mempunyai taraf pendidikan sekurang-kurangnya tamat darjah enam sehinggalah ke peringkat ijazah.

Aspek kesantunan berbahasa dapat lihat apabila meneliti perbualan yang berlaku dalam situasi tertentu, orang tertentu, kedudukan, pangkat atau status seseorang penutur, tajuk perbualan, tempat dan sebagainya. Jadi unsur kesantunan ini dapat kita lihat penggunaan sistem panggilan yang digunakan dalam perbualan, memperlihatkan hubungan intim, mesra, hormat, merendah diri, kuasa dan sebagainya. Misalnya

perbualan antara anggota keluarga pastilah berlaku dalam situasi yang harmoni dan memperlihatkan hubungan yang intim. Dalam soal ini penuturnya sedaya mungkin akan menggunakan bahasa yang sopan guna untuk mengharmonikan suasana. Perbualan ini berlaku secara tidak formal.

Menurut Trudgill (1974) di dalam bukunya, *Sosiolinguistik yang diterjemahkan oleh Nik Safiah Karim (1981)*; status seseorang juga akan menentukan ciri-ciri sesuatu pertuturan. Ini bererti setiap kelas berbeza mengikut variasi bahasa yang digunakan di dalam perbualan mereka. Bahasa yang digunakan oleh kelas menengah berbeza dengan kelas atasan atau golongan bawahan.

3.1.1 Latar belakang tempat kajian.

Kajian dibuat ke atas perbualan keluarga Melayu yang tinggal di daerah Besut. Besut merupakan salah sebuah daerah yang terletak dalam negeri Terengganu. Daerah ini terletak di utara negeri Terengganu yang bersempadan dengan daerah Pasir Puteh, Kelantan. Daerah ini meliputi kawasan seluas 123,367.8 hektar. Penduduk daerah ini dianggarkan seramai 107,778 orang. Penduduknya hampir 99.5 peratus adalah terdiri daripada kaum Melayu. Manakala selebihnya ialah kaum Cina dan Siam yang tinggal di kawasan pekan dan bandar. Penduduk di kawasan ini bertutur dalam bahasa Melayu dan mereka merupakan penutur asli bahasa Melayu atau bahasa Melayu jati.

3.2 **Prosedur Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data**

Kajian ini dijalankan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan iaitu melalui langkah-langkah yang teratur, sistematik, terancang dan terarah dalam menjalankan sesuatu kajian. Kawasan yang dikaji ialah daerah Besut yang juga merupakan daerah asal penulis. Jadi, penulis merasakan satu kemudahan kepada dirinya untuk membuat kajian seumpama ini, lebih-lebih lagi penulis faham tentang budaya penduduk setempat dan dialek perbualan mereka.

Penulis menggunakan kaedah deskriptif dalam penyelidikan ini. Penulis menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan sampel kajian. Pemerhatian dilakukan terhadap golongan penutur untuk mencari jawapan tentang amalan kesantunan berbahasa dalam perbualan.

Penulis telah memerhati dan meneliti sampel kajian (perbualan). Setiap pertuturan dicatatkan dengan teliti perbualan atau ujaran yang berlangsung antara sampel kajian. Penulis juga memasukkan atau mengambil kira aspek gaya perbualan, ciri-ciri tanpa bersuara yang terdapat dalam sesuatu perbualan yang menarik atau mempunyai ciri-ciri istimewa. Misalnya unsur tanpa bersuara seperti senyuman, anggukan, menggeleng kepala, wajah muram, bersahaja dan sebagainya. Apa yang lebih dipentingkan oleh penulis ialah ingin mencari ciri-ciri kesantunan yang terdapat dalam perbualan mereka. Kajian ini didasarkan kepada aspek kesantunan yang dikemukakan oleh Leech.

Selain daripada pemaparan data, pemilihan maksim juga dilakukan oleh pengkaji mengikut darjah kesesuaiannya. Ini kerana didapati dalam sesuatu data atau sampel, pelbagai maksim boleh dipadankan. Dalam hal ini, penulis hanya akan memilih satu maksim sahaja yang lebih sesuai untuk dihuraikan. Maksim-maksim lain yang tidak begitu sesuai tidak akan disentuh atau dibincangkan. Misalnya dalam satu sampel dapat disesuaikan dengan maksim santun, maksim sokongan atau maksim persetujuan. Ertinya penulis akan hanya memilih maksim yang paling sesuai untuk menghuraikan sesuatu sampel ujaran.

Penulis memilih hanya **65 sampel perbualan** untuk dimuatkan di dalam kajian ini kerana ia mempunyai perkaitan dan memenuhi ciri-ciri yang ingin dikaji iaitu aspek kesantunan berbahasa dalam perbualan. Sampel perbualan ini di catat di kalangan **30** keluarga Melayu. Sampel perbualan yang dikutip terdiri dari keluarga terdekat penulis, keluarga kawan dan keluarga jiran tetangga. Saiz atau bilangan penutur dalam sesuatu sampel adalah berbeza. Terdapat saiz sampel yang agak besar iaitu melibatkan empat atau lima penutur yang terlibat. Kadang-kadang sampel perbualan ini hanya melibatkan dua penutur sahaja.

Penulis menghabiskan masa selama kurang lebih tiga bulan untuk memungut sampel kajian. Kemudian sampel perbualan ini dianalisis untuk melihat aspek kesantunan yang terdapat dalam ujaran yang dicatatkan. Dari sinilah penulis akan dapat jawapan tujuan atau punca sesuatu ujaran itu dilakukan. Misalnya kemungkinan si penutur dalam keadaan marah atau sedang sibuk atau sebagainya. Ertinya penulis

meneliti dan mengkaji latar belakang sesuatu ujaran dalam perbualan untuk mendapat sampel kajian yang lebih terperinci dan tidak hanya berdasarkan andaian atau khayalan semata-mata.

3.3 Penganalisan Data

Data yang diperolehi daripada pemerhatian dianalisis secara deskriptif dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Hasil analisis ditafsirkan untuk mendapatkan keadaan sebenar tentang aspek kesantunan berbahasa yang diamalkan dalam perbualan sehari-hari. Penganalisan data juga dilakukan dengan mengambilkira hasil pemerhatian penulis terhadap penutur dalam pelbagai situasi, peringkat umur, tempat dan sebagainya. Pemerhatian dilakukan khusus kepada perbualan yang berlaku antara suami isteri, antara ayah-emak dan anak-anak, antara adik-beradik dan perbualan dengan orang yang lebih tua. Ruang lingkup perbualan inilah dijadikan asas dalam menganalisis data.

Data yang diperolehi akan dipadankan antara maksim-maksim yang sesuai yang tergolong dalam Prinsip Kesopanan yang dikemukakan oleh Leech. Padanan dan rumusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada ilokusi penulis sendiri. Penulis juga melaksanakan padanan data dengan maksim-maksim kesopanan berlandaskan penilaian budaya Melayu serta peradaban atau penghayatan Islam.